

### *Peluang yang baik di Bangkok*



*Jumlah penduduk bandaraya:  
10 juta orang*

Secara sah, jumlah penduduk Muslim di Bangkok, Thailand adalah 262,023 orang (angg. tahun 2000) tetapi ada yang menganggarkan jumlah yang sebenar adalah lebih kurang

satu juta. Lebih dari 160 buah masjid terdaftar terletak di merata tempat di bandaraya ini. Ramai orang Muslim tinggal di tepi terusan yang pada masa silam merupakan saluran pengangkutan yang penting (sebelum 30 tahun yang lalu, jarang terdapat jalanraya yang masuk ke dalam kebanyakan kawasan-kawasan di sini). Masjid-masjid dan tokong-tokong dibina di pinggir terusan untuk mempermudah orang datang, tetapi kini banyak terusan yang telah lenyap sama sekali.

**Komuniti Orang-orang Muslim:** Orang-orang Muslim telah mendiami Bangkok bergenerasi lamanya, dan sering membentuk komuniti-komuniti yang terdiri daripada sejenis kaum, yang kebanyakannya tertutup bagi orang-orang yang bukan Muslim. Secara purata kebanyakan komuniti ini mengandungi 150-200 buah keluarga. Komuniti-komuniti ini membina masjid-masjid dan sekolah-sekolah mereka tersendiri, dan mengekalkan adat-adat sosial dan cara pemakanan diri mereka sendiri. Orang-orang Muslim di sini jarang pindah ke



tempat-tempat di mana kebanyakan penduduknya beragama Buddha. Namun, oleh kerana Bangkok adalah bandaraya yang tersangat besar, terdapat juga banyak kawasan di mana orang-orang Muslim bergaul dengan orang-orang bukan Muslim – walaupun mereka lebih suka tinggal dan bekerja bersama-sama dengan orang-orang Muslim yang lain. Di mana terdapat kawasan-kawasan besar di bahagian timur Bangkok yang dahulunya hampir sepenuh Muslim, sekarang mereka merupakan minoriti di daerah-daerah ini. Namun, di beberapa kawasan,

murid-murid Muslim masih merupakan majoriti di sekolah-sekolah kerajaan.

**Bahasa:** Bahasa Thai merupakan bahasa tunggal yang dituturkan oleh kebanyakan orang-orang Muslim di Bangkok, tetapi kadang kala perkataan-perkataan bahasa Melayu juga digunakan. Khotbah-khotbah Muslim di radio menggunakan bahasa Arab dan juga bacaan-bacaan dalam bahasa Melayu. Beberapa sekolah-sekolah agama mengajar bahasa Melayu Patani dan juga bahasa Arab, dan ramai murid-murid dari Bangkok belajar di

dalam sekolah-sekolah agama yang jauh dari bandaraya.

Kebanyakan orang-orang Muslim yang berpindah ke Bangkok datang dari bahagian selatan Thailand, tetapi terdapat juga kumpulan-kumpulan besar orang Cham dari Cambodia, Pakistan, Bagladesh, Afghanistan, India, Myanmar, Iran dan China.

### ***BAHAN-BAHAN DOA:***

- *Berdoalah agar ramai orang Muslim di Bangkok akan sedar*



*bahawa hidup bukan hanya tentang agama; tetapi ianya tentang mempunyai perhubungan dengan Tuhan melalui Mesias yang hidup dan berkuasa (Yohanes 17:3).*

➤ *Berdoalah agar orang-orang Thai yang percaya dapat membina persahabatan yang positif dan bermanfaat dengan orang-orang Muslim.*

### LIMA RUKUN ISLAM

Agama Islam dijalankan mengikut lima “rukun” yang merupakan amalan agama yang diwajibkan bagi semua orang dewasa Muslim:

1. Mengucapkan Shahadah – “Allah itu tunggal dan nabi Muhammad ialah rasulNya.”
2. Menunaikan Solat – lima kali sehari.
3. Zakat – derma yang diwajibkan dan juga yang tidak

diwajibkan kepada golongan miskin

4. Puasa – terutamanya semasa bulan “kudus” Ramadhan.

Menunaikan Haji – Sekurang-kurangnya sekali seumur hidup ke Mekah.

[www.30-days.net](http://www.30-days.net)

[www.30daysfire.net](http://www.30daysfire.net)

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

